

Soalan Objektif

1. Sultan Abdul Jamil Shah merupakan sultan ketiga yang memerintah Pahang (1495 – 1512).
Apakah sumbangan baginda kepada Pahang?
A Mendirikan pusat pemerintahan di Pekan
B Memperkemaskan sistem pentadbiran
C Menubuhkan mahkamah syariah
D Mempertahankan Pahang daripada serangan Siam
2. Berikut merupakan undang-undang yang digunakan di Perak.

Undang-undang 99 Perak

Siapakah Sultan yang mula mengguna pakai undang-undang di atas?
A Sultan Muzaffar Shah
B Sultan Iskandar Dzulkarnain
C Sultan Mahmud Shah
D Sultan Azlan Shah
3. Apakah sumbangan Sultan Terengganu Sultan Zainal Abidin III (1881 – 1918) yang membawa pemodenan Terengganu?
I Penggubalan undang-undang tubuh.
II Mendirikan pusat pemerintahan di Tanjung Batu.
III Memperkemaskan sistem sukat dan timbang.
IV Menubuhkan pasukan polis.
A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D I, II, III dan IV
4. Sejak abad ke-16, Selangor merupakan sebahagian daripada wilayah naungan Kesultanan
A Johor Riau C Pahang
B Melaka D Terengganu
5. Kesultanan Melayu yang mengamalkan sistem pewarisan takhta ialah
I Kerajaan Pahang
II Kerajaan Selangor
III Kerajaan Terengganu
IV Kerajaan Perak
A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV
6. Pilih pernyataan yang betul tentang upacara berendoi.
A Membetulkan kedudukan bayi di dalam perut ibu.
B Bercukur apabila putera atau puteri berusia tujuh hari.
C Bayi diperdengarkan azan sebaik sahaja dilahirkan.
D Meletakkan bayi di dalam buaian dan diperdengarkan alunan marhaban.

7. Gambar berikut merupakan keris kebesaran diraja, Keris Taming Sari.



Keris di atas merupakan keris kebesaran diraja

- A Negeri Selangor
 - B Negeri Perak
 - C Negeri Pahang
 - D Negeri Terengganu
8. Apakah undang-undang yang digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaideen Syah (1592 – 1614)?
A Hukum Kanun Melaka
B Undang-undang 99 Perak
C Hukum Kanun Pahang
D Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu
 9. Berikut merupakan karya sejarah Kesultanan Melayu yang bertajuk *Misa Melayu*.



Misa Melayu mengisahkan tentang

- A Sejarah Kesultanan Pahang abad ke-19.
 - B Sejarah Kesultanan Perak abad ke-18.
 - C Sejarah Kesultanan Terengganu abad ke-19.
 - D Sejarah Kesultanan Selangor abad ke-19 dan ke-20.
10. Pilih pernyataan yang betul tentang kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Kesultanan Melayu.
A Negeri Selangor mengusahakan perlombongan emas.
B Negeri Pahang mengusahakan perlombongan bijih timah.
C Negeri Perak mengusahakan tanaman padi.
D Negeri Terengganu mengusahakan tanaman lada hitam.